**PESANAN UNTUK DUAT DIJALAN ALLAH**

**dan**

**AMARAN KEPADA SESIAPA YANG MEMUSUHI MEREKA**

Artikel sempena:

(a) Lawatan Madelene Albright (Setiausaha Negara Amerika baru) ke Timur Tengah, untuk "menyelamatkan" projek "Perdamaian" antara Arab - Israel yang terbantut.
(b) Pembunuhan orang awam di Algeria
(c) Pihak berkuasa PLO menutup pusat-pusat khidmat masyarakat tajaan HAMAS, dan menangkap berpuluh pemudanya.


oleh: Syeikh Mustafa Masyhur

Mursyid al-'Aam Jama'ah al-Ikhwan al-Muslimun al-Qahirah 30 September 1997


## PENDAHULUAN

Telah jelas didepan sesiapa yang melihat bahawa di sana pertembungan yang semakin memuncak diantara negara-negara dan golongan-golongan yang menganggap Islam sebagai musuh bersama mereka, dengan umat Islam - negara dan pergerakan -dan musuh memperkudakan seluruh jentera untuk menjayakan perancangan mereka. Dan sayangnya sebahagian pemerintah Arab dan Islam juga turut bersama musuh dalam mencetuskan pertembungan diantara mereka dengan para duat Islam, samada terhadap individu atau jamaah. Yahudi - "manusia yang paling sengit memusuhi orang-orang yang beriman (Al-Maidah)" - telah memainkan peranan terbesar dalam memuncakkan persengketaan ini dengan melabelkan Islam sebagai pengganas dan pelampau sedang Islam agama kesejahteraan, padahal merekalah asal pangkal segala keganasan dan melewati batas. Kita dapati sebahagian dari individu dan jamaah di dunia Islam juga melewati batasan sehingga menggunakan bentuk keganasan dan pembunuhan kerana menyangka itulah cara paling ideal untuk merubah sistem pemerintahan. Hasilnya apa yang kita lihat di Algeria dan Mesir dimana terbunuh ribuan mangsa dari kedua belah pihak, juga dari kalangan orang awam dan yang tidak berdosa. Akhirnya tidak berlaku apa yang diharapkan, bahkan menambah buruk lagi maruah Islam.

Kita semua mendengar pembunuhan dahsyat di Algeria baru-baru ini, dan difitnah Jamaah Islam Bersenjata yang melakukannya sedangkan hati muslim manapun tidak redha menyembelih kanak-kanak dan wanita Islam, bahkan dari kalangan bukan Islam sekalipun. Ustaz Abbas Madani telah mengutuk kejadian yang ngeri ini dan mengumumkan bahawa tentera parti FIS akan memberhentikan angkat senjata bermula pada 1 hb Oktober ini dengan tujuan untuk menyiasat siapakah mereka yang sebenarnya yang melakukannya. Di Mesir, Jamaah Islamiah telahpun mengambil langkah memberhentikan keganasan setelah mendapati perbuatan ini tidak mendatangkan hasil dalam merubah sistem pemerintahan. Adalah menjadi kewajipan pemerintah pula mewujudkan suasana yang sihat sesuai untuk bertukar dan mengambil faedah dari fikiran-fikiran membina, daripada membalas keganasan dengan keganasan.

## *MANHAJ DUAT YANG BETUL*

Islam berusaha merealisasikan kepentingan umum untuk negara dan masyarakat. Ia menyeru kepada kasih sayang, kerjasama, dan menunjuk manusia kepada Risalah ini di dunia dan kesudahan mereka yang menanti semua di Akhirat kelak. Uslub mereka ke jalan Allah ialah dengan hikmah dan nasihat yang baik. Bilamana umat Islam sekarang sekarang sedang berada diparas paling lemah dalam sejarahnya berdepan dengan musuhnya, maka wajiblah mereka mencontohi Rasulullah saw. ketika Baginda saw. berada di marhalah Mekah. Baginda saw. sentiasa berpesan supaya mereka bersabar dan teguh tak berganjak dari prinsip, dan tidak menggunakan kekerasan. Baginda saw. menyampaikan berita gembira iaitu kemenangan dan Syurga. Sabar bukan bermakna lemah, tetapi itulah kekuatan. Bilal, Yasir dan Sumayyah dengan sifat teguh mereka, mengangkat ddan meletakkan mereka ke pihak yang mempunyai kekuatan, sementara Abu Jahal yang mengazab mereka berada di pihak yang lemah. Kerana apa ? Kerana Abu Jahal yang menggunakan azab siksa tidak mampu untuk menggoncang aqidah mereka, maka dialah yang tewas. Apabila Imam Asy-Syahid Hasan Al-Banna mengasaskan Ikhwan Muslimin untuk mengembalikan struktur umat Islam dan Negara Islam, beliau mengambil panduan dari Seerah Rasulullah saw. Dia memperingatkan para Ikhwan akan apa yang bakal terjadi keatas mereka berupa halangan, dugaan dan siksaan lalu menasihati mereka dengan sabar, teguh, dan tajarrud di jalan Allah. Dia menggembirakan Ikhwan dengan keyakinan bahawa masadepan ditangan Islam walau sehebatmana sekalipun Kebatilan.

Para Ikhwan telah memegang teguh manhaj ini, lalu bersabar berterusan dan menanggung siksaan, penjara dan bunuh tanpa membalas semua itu dengan keganasan. Mereka menyerahkan perbuatan tadi kepada ALlah dan meneruskan perjalanan mereka dengan penuh sikap sederhana. Inilah kemudiaannya menjadi rahsia kekalnya Ikhwan bahkan berkembang ... Kami berpesan kepada para duat agar merasa bangga dengan penggabunga mereka dengan Islam. Percayalah, musuh tidak akan dapat menghapuskan Islam ini selagi Allah telah redha Islam sebagai sistem untuk umat manusia sejagat sehingga datangnya Hari Kiamat. Tanggungjawab mereka ialah mencurahkan tenaga mereka untuk membaiki maruah Islam setelah ia diburukkan oleh Yahudi dan musuh-musuh Allah yang lain. Mereka memastikan bahawa umat Islam tidak mengancam manusia sebaliknya Islam mahukan hidayah dan kebaikan untuk mereka walaupun mereka perancangan mereka sendiri yang bermaksud kotor. Ini mencontohi Rasulullah saw. setelah disakiti di Taif, Baginda saw. berkata kepada Jibril: Moga-moga Allah akan mengeluarkan dari mereka

keturunan yang menyembahNya dan tidak mensyirikkanNya dengan sesuatu. Dan berdoa " Ya Allah, berilah petunjuk kepada kaumku, kerana sesungguhnya mereka tidak mengetahui ".

Semua kita mengetahui bagaimana jamaah Rasulullah saw. yang kecil lagi tertindas di Mekah, dengan berkat kesabaran, tsabat, dan kesediaan mereka untuk berkorban dengan harta dan jiwa, akhirnya dimenangkan oleh Allah, mengalahkan musyrikin, Yahudi, Parsi (Empayar Timur) dan Rum (Empayar Barat) pada waktu yang singkat. Ini kerana kemenangan adalah datang dari Allah, setelah sempurna sebab-sebabnya seperti iman yang benar, azam yang kuat dan pengorbanan yang tinggi dalam apa jua bentuk. Hendaklah kita meletak tinggi harapan kita dalam sanubari. Sesungguhnya apabila kita iltizam dengan jalan Rasulullah saw. maka akan datang kemenangan untuk kita mengatasi seluruh musuh-musuh, seperti yang telah dicapai oleh orang-orang Islam yang terdahulu dari kita. Ini adalah sunnah ALlah, dan sunnah Allah tidak akan berubah.

## ZIONIS YANG DEGIL, AMERIKA YANG BERPURA-PURA

Tidak perlu di sini kita mengimbas kembali sejarah panjang kekejaman Zionis dan pelbagai keganasan dan penyembelihan yang berulang-ulang dikenakan ke atas umat Palestin dan khianat mereka terhadap apa-apa sahaja perjanjian yang dimeteri atau resolusi-resolusi PBB atau Majlis Keamanan. Natyanahu tetap terus dengan perancangannya, memenjara pemuda-pemuda Hamas di Tebing Barat, membina penempatan baru untuk yahudi, menganggap Pihak Berkuasa PLO bertanggungjawab terhadap keselamatan dan kesejahteraan yahudi, walaupun setelah lawatan Mandaline, menteri luar Amerika ke rantau ini meminta semua pihak mencapai perdamaian. Selepas semua ini, bolehkah diharap kedamaian yang diharapkan? Bahkan dengan kenyataan umum Mandaline ini sebenarnya menyalakan lagi api permusuhan yang menanti letupan sahaja. Yang menyedihkan lagi ialah apabila baru-baru ini, pihak berkuasa PLO menutup institusi-institusi kebajikan masyarakat milik HAMAS dan memenjara berpuluh-puluh dari tenaga penggeraknya. Demikianlah sanggupnya pihak berkuasa PLO menutup pusat-pusat kebajikan yang memberi khidmat kepada masyarakat di Palestin semata-mata kerana tunduk kepada tekanan Amerika dan Zionis, walaupun dia sendiri merasakan kebiadapan musuh dalam membina penempatan-penempatan baru di tanah milik Islam dan Arab.

Sikap Amerika yang tak ambil peduli dalam berdepan dengan kedegilan Zionis ini terang menunjukkan wujudnya kesepakatan di antara mereka dan kepura- puraan kononnya dia adalah penaung kepada Perdamaian ini, sedang mereka menolong musuh memerangi Arab dan umat Islam. Albright juga meminta negara- negara Arab agar menghadiri persidangan di Doha yang turut dihadiri oleh Israel dan beliau sendiri sebagai wakil Amerika walaupun dalam suasana mendung seperti ini. Kehadiran mana-mana negara Arab ke persidangan ini adalah merupakan kehinaan yang tetap diukir dalam sejarah. Kita juga berdepan dengan pendirian Amerika dan Badan Dunia yang menentang resolusi Liga Arab memberi sedikit keringanan terhadap kepungan (embargo) yang dikenakan terhadap Libya dengan membenarkan Qaddafi dan pegawai-pegawai tinggi kerajaannya mendarat dengan kapalterbang di negara-negara Arab. Kejahatan dan berpegang teguh dengan resolusi mengepung Libya ini adalah dalil jelas akan niat busuk Amerika dan sekutu-sekutunya dari kalangan Arab dan umat Islam sendiri.

## AMARAN KEPADA SIAPA YANG MEMERANGI PARA DUAT

Seperti yang telah dijelaskan, Islam didatangkan untuk kebaikan manusia sejagat. Orang-orang Islam tidak menzalimi sesiapa dari kalangan bukan Islam, tetapi Islam mahu memberi mereka hidayah dan kebahgiaan di dunia dan akhirat dengan ajaran agama yang benar ini. Tetapi kamu enggan dan bersikap menentang dan memerangi umat Islam. Oleh itu menjadi kewajipan kami memberi amaran kepada kamu dengan kata-kata, "Jangan kamu terperdaya oleh kekuatan material seperti tentera, senjata dan kekuasaan yang dimiliki. Sesuatu perkara mustahil tidak berubah. Jangan kamu dikaburi oleh perpecahan dan kelemahan umat Islam. Kekuatan tidak akan kekal kuat selama-lamanya, dan lemah tidak akan kekal dalam keadaan lemah selama-lamanya. Allah Pencipta dan Pentadbir alam maya ini tidak redha pada kezaliman dan penindasan yang dikenakan keatas duat tidak lain kerana mereka mengatakan "Tuhan kami ialah Allah". Kamu memerangi umat Islam, menyiksa duat dijalan Allah dan kamu menyangka kamu akan terlepas dari balasan Allah. Kezaliman tidak akan terlepas dari genggaman Allah. Benarlah firman Allah: "Jangan kamu menyangka ALlah lalai dari apa yang dilakukan oleh orang- orang yang zalim. Allah menangguhkan (pembalasan) mereka ke hari yang terbeliak penglihatan." Tidak berguna kekuasaan dan kekuatan kamu ddidepan Allah sedikitpun. Bahkan si penzalim dihari Kiamat berkata, "Tidak berguna hartaku, binasa kekuasaanku". Sesama kamu akan berlepas diri dan melaknat antara satu sama lain ketika para pengikut berkata, "Sesungguhnya kami (di dunia) mentaati pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar kami, lalu mereka menyesatkan kami dari jalan yang lurus. Wahai Tuhan kami, datang-kanlah siksaan kepada mereka dua kali ganda dan laknatlah mereka dengan laknat yang besar ". Setiap orang mesti mengetahui bahawa membantu penzalim - walau dengan kata-kata - akan dihisab ke atasnya. Begitu juga mereka yang terlibat mengeluarkan peraturan-peraturan yang menzalimi orang ramai, mereka akan di hisab selagimana akta-akta ini terus kekal, walaupun mereka telah meninggal dunia.

Kenapakah mereka tidak mengambil pengajaran dari kisah-kisah terdahulu yang disebut dalam al-Qur`an, di antaranya Fir'aun yang berada di puncak kekuasaan dan berkata, "Aku adalah Tuhan kamu yang Maha Tinggi"? Dia memperlekehkan kaumnya lalu mereka mentaatinya. Akhirnya ALlah menenggelamkannya bersama- sama tenteranya dan menyelamatkan Musa a.s. dan kaumnya. Juga kisah seorang yang berada di puncak kekayaan seperti Qarun yang berkata, "Sesungguhnya harta ini aku perolehi kerana ilmu aku (semata-mata) lalu Allah menenggelamkannya bersama rumah dan harta ke dalam bumi. Dan tidak ada untuknya kumpulan yang dapat menolongnya selain Allah". Kami katakan di sini kepada Zionis, Amerika dan sesiapa yang menurut jejak langkah mereka, "Sesungguhnya sistem kamu yang memusuhi Islam dan umatnya, dan kedegilan kamu untuk terus dalam keadaan ini, menolong mencepatkan lagi kesudahan kamu sebenarnya. Masa adalah sebahagian dari rawatan. Kamu tidak akan sekali-kali dapat membunuh ruh semangat dalam sanubari umat Islam. Mereka tidak akan membiarkan kamu berbuat apa sahaja yang kamu sukai terhadap Palestin dan Masjid al-Aqsa, Qiblat Pertama, Tempat Suci Ketiga. Sikap kamu ini akan mendorong Umat untuk berhimpun, bersatu, kembali ke agama in dan Tuhan mereka, lalu menegakkan agama ini. Sesungguhnya Allah berkuasa (menyempurnakan) urusan-Nya

tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui."  Tidak lupa kami menyatakan kepada pemerintah Arab, "Berilah kebebasan dan didiklah umat ini dengan kebanggaan terhadap agama ini, juga didik dengan kekuatan, keagungan dan kemuliaan. Kamu hendaklah mengetahui bahawa kepentingan kamu dan negara terletak kepada sejauhmana kamu berpegang teguh dengan Islam dan mentaati Tuhan kamu. Jangan kamu menghalang sumber-sumber pemuda penggerak untuk agama ini. Hentikanlah penangkapan, adakan perbincangan membina dan persefahaman. Pertembungan antara kita dengan musuh suatu yang tidak dapat dielakkan.  Persiap sediakanlah masyarakat kamu agar mereka menjadi benteng untuk kamu dalam berdepan dengan musuh."  Tidakkah aku telah menyampaikannya ... Ya Allah, saksikanlah.

***Mustafa Masyhur, al-Qahirah. 30.9.1997***